



CEKD sasar raih RM24 juta daripada IPO

CEKD Bhd yang bakal disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia pada 29 September ini, menyasarkan menjana RM24.28 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO).

IPO penyedia rumusan pemotongan acuan serta pengeluar acuan pemotong dan pedagang alatan dan aksesori boleh digunakan itu membabitkan 50.59 juta saham baharu pada harga terbitan 48 sen sesaham.

Pengarah Urusan CEKD, Yap Kai Ning, berkata daripada jumlah yang bakal dijana itu, sebanyak RM8.8 juta digunakan untuk pengambilalihan kilang; RM4.3 juta bagi pembelian mesin baharu dan tambah baik serta pembangunan perisian dan pelayan komputer; RM4 juta bagi pembayaran balik pinjaman bank; RM1.5 juta untuk aktiviti pemasaran; RM2.63 juta modal kerja am serta RM3 juta untuk perbelanjaan penyenaian.

Beliau berkata, penyenaian CEKD tidak lama lagi itu adalah satu pencapaian besar dalam sejarah syarikat yang mula beroperasi sejak 1989.

“Pelaksanaan IPO ini bukan saja mengukuhkan kewujudan CEKD di dalam industri sebagai

peneraju penyediaan rumusan dan pengeluar pemotong acuan tetapi juga mengangkat profil bagi membantu pelan pengembangannya,” katanya pada pelancaran prospektus CEKD secara maya, semalam.

CEKD adalah syarikat pegangan pelaburan dengan tiga anak syarikat milik penuhnya, iaitu Sharp Die Cutting Mould Sdn Bhd di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur; Hotstar (M) Sdn Bhd di Kepong, Kuala Lumpur dan Focuswin Diecutting Mould Sdn Bhd di Prai, Pulau Pinang.

Ia adalah penyedia rumusan pemotong acuan dan terbabit di dalam pengeluaran acuan pemotong dan pedagang alatan serta aksesori yang boleh digunakan, terutamanya untuk industri percetakan kertas dan pembungkusan, industri elektronik dan elektrik dan industri lain seperti automotif, pembungkusan plastik, tekstil serta industri kulit.

Acuan dan alat pemotong CEKD diguna dalam pelbagai industri termasuk bagi pemotong mengikut acuan kotak kertas dan karton, pembungkusan plastik serta komponen elektrik seperti komputer riba, cakera keras dan pembesar bunyi audio.